


Berita Manmin

NO. 33 9 JUN 2024

Orang yang telah Bertemu dengan Tuhan



Musim bunga ini penuh dengan daun hijau segar dan bunga yang berwarna-warni, Hati kita penuh dengan perubahan baru dan harapan yang indah.

Saya sembuh sepenuhnya daripada otitis media dalam 66 tahun!

Diaken Kanan Kehormat, Youngae Ko (74, Paroki 11 di Gereja Pusat Manmin)



Saya telah menderita otitis media selama 66 tahun sejak usia 8 tahun. Suatu hari pada masa kecil, saya merasakan air masuk ke telinga kanan pada masa saya sedang membasuh rambut. Sejak itu, telinga saya mulai gatal, lalu nanah dan cairan keluar. Pada tahun 1950-an, Korea menghadapi perang dan kesukaran ekonomi lalu saya tidak berani pergi ke hospital ketika tinggal di luar bandar.

Saya bahkan tidak mempunyai tisu lembut atau kapas untuk membersihkan telinga, jadi saya menggulung kertas bekas dan cuba membersihkannya. Namun begitu, usaha ini tidak berhasil, lalu saya mengoyakkan beberapa bebola kapas daripada selimut.

Gejala itu berlanjutan sehingga saya menderita otitis media kronik bahkan ketika dewasa. Saya tidak dapat mengharapkan apa-apa rawatan perubatan tetapi membawa kapas di dalam saku sepanjang waktu. Setiap kali telinga saya terasa gatal, saya menggarunya dan membersihkannya dengan

kapas.

Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang pertama bagi tahun ini dijadualkan pada 26 Januari, lalu saya dengan sungguh-sungguh memohon kesembuhan daripada Tuhan dalam Perjumpaan Doa Nazar Daniel. Hal ini terjadi pada 16 Januari. Ketika saya berdoa agar saya dipenuhi oleh Roh Kudus, api kudus menyambar seluruh tubuh saya. Saya merasakan telinga kanan saya terbakar oleh api Roh dan kemerahan. Saya berasa yakin tentang kesembuhan oleh Tuhan, dengan dipenuhi perasaan sukacita dan terharu.

Selepas itu, saya tidak lagi berasa gatal-gatal pada telinga kanan, dan nanah berhenti keluar. Penderitaan saya selama 66 tahun berakhir kerana otitis media yang saya hidapi sembuh sepenuhnya.

Saya memberikan semua kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Yesus kerana Dia membimbang saya untuk bertemu dengan Tuhan Maha Penyembuh seperti yang dicatatkan dalam Keluaran 15:26.



Seolah-olah mimpi bahawa saya terselamat daripada ambang kematian!

Saudara Seoyong Kwon
(50, Paroki 12 di Gereja Pusat Manmin)

Pada awal November 2023, saya mengalami batuk berkahak yang berpanjangan lalu minum ubat selesema. Namun begitu, tidak ada perkembangan malah keadaan semakin memburuk. Saya sukar untuk tidur dan dada saya terasa sakit. Saya tiba-tiba berasa lelah.

Sekitar pukul 9 malam pada 21 Disember, saya mengalami sindrom pernafasan akut, dan berada di ambang kematian selama 2 jam sehingga isteri saya pulang. Dia segera menelefon perkhidmatan kecemasan 119, lalu saya dihantar ke bilik kecemasan dengan ventilator.

Hasil imbasan CT menunjukkan asma akut alergi dan pneumonia. Keesokan harinya, saya dipindahkan ke unit perawatan intensif dalam keadaan tidak sedarkan diri pada pukul 2 petang.

Isteri saya mengambil foto saya di ICU lalu bertemu Pastor Kanan Soojin Lee dengan foto tersebut sejurus selepas ibadat petang Ahad pada 24 Disember. Beliau berdoa untuk saya sambil meletakkan tangan beliau di atas foto itu. Selepas itu, keadaan saya cepat bertambah baik, dan ketika isteri saya mengunjungi saya pada awal pagi hari berikutnya, saya mulai dapat bergerak dan memberikan respons. Pada 26 Disember, saya membuka mata dan dapat mengenali orang. Saya berhenti menggunakan respirator buatan lalu mulai dibekalkan dengan makanan secara intravena.

Hari berikutnya, Rabu, saya dapat bercakap sedikit, dan pada Khamis saya dipindahkan ke wad umum. Pada 30 Disember, saya keluar dari wad dan dapat berjalan sendiri. Pada 8 Januari, saya dapat pergi bekerja seperti biasa. Hal ini seperti mimpi. Saya berasa seperti dilahirkan kembali dengan kasih Tuhan. Sekarang semuanya terasa baru dan segar dan setiap saat adalah berharga.

Betapa luar biasa rahmat Tuhan bahawa isteri saya hampir-hampir menemukan saya mati akibat asma akut dan pneumonia serta saya kembali normal hanya dalam waktu 9 hari melalui doa Pastor Kanan! Sekarang saya baik-baik sahaja setiap hari dalam rahmat-Nya. Saya memberikan semua kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan.



Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.



Selepas 7 tahun kemandulan, saya mendapat sepasang anak kembar perempuan!

Diaken Gwangbeom Seo (50, Paroki 7 di Gereja Pusat Manmin)

Saya berkahwin pada usia 41 tahun pada tahun 2015 dan berharap dapat mempunyai anak dengan secepat yang mungkin. Namun begitu, tidak ada khabar mengenai anak dalam setahun dan satu tahun lagi selepas perkahwinan. Isteri saya dan saya pergi ke klinik kesuburan dan menerima rawatan perubatan. Namun begitu, usaha ini tidak berhasil.

Saya mendapat tahu bahawa ubat dunia tidak berkesan untuk kami lalu bergantung pada Tuhan dalam doa. Kami berdoa dengan sungguh-sungguh kepada Tuhan dan menerima doa Pastor Kanan Soojin Lee untuk kehamilan.

Pada bulan Mac 2022, isteri saya menunjukkan keadaan yang kurang baik. Dia demam dan berasa sakit. Keadaannya itu tidak bertambah baik seiring dengan peredaran masa. Kami pergi ke hospital dan tiba-tiba doktor berkata, "Tahniah! Dia hamil!"

Pada mulanya, saya terkedu dan sangat terkejut mendengar berita gembira ini.

Isteri saya dan saya sangat gembira dan berasa seolah-olah terbang di langit. Terutama sekali, kami dengan tulus bersyukur kepada Tuhan.

Isteri saya dan saya pergi berjumpa seorang pakar perbidanan lalu mendapat berita baik yang kedua. Kehamilan itu sendiri merupakan berkat bagi kami, tetapi isteri saya didapati hamil dengan bayi kembar. Sejurus selepas pulang ke rumah, saya menyampaikan berkat berganda ini daripada Tuhan kepada ibu bapa saya lalu kami semua bersyukur kepada Tuhan dengan doa yang berlinangan air mata.

Pada 6 Oktober 2022, dua anak perempuan kami yang kami nantikan dengan sabar dilahirkan, begitu berharga dan comel. Mereka diberi nama 'Haeun' dan 'Jueun', yang bermaksud 'rahmat Tuhan Bapa' dan 'rahmat Tuhan Yesus' masing-masing. Mereka bertumbuh dengan baik dari hari ke hari dan sangat comel dalam rahmat Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus.

Saya juga mendapat anugerah besar daripada Tuhan yang baik ini 40 tahun yang lalu. Dia menyelamatkan saya daripada krisis kematian akibat gangguan pernafasan. Saya hampir-hampir berhenti bernafas, tetapi kembali hidup oleh rahmat-Nya.

Saya telah menderita masalah pernafasan sejak usia tiga tahun. Ketika saya pertama kali menghadiri ibadat semalam Jumaat di Gereja Pusat Manmin, nafas saya terhenti lalu tubuh saya menjadi dingin. Melihat keadaan itu, Pastor Emeritus Jaerock Lee berdoa untuk saya dengan meletakkan tangannya di atas saya lalu saya segera sembuh. Saya sembuh sepenuhnya dan sejak itu tidak ada lagi gejala yang sedemikian.

Saya memberikan semua kesyukuran dan kemuliaan saya kepada Tuhan yang tidak hanya menghidupkan saya kembali tetapi juga membebaskan kami daripada penderitaan kemandulan serta memberikan kami sepasang anak perempuan yang begitu berharga.

Perjumpaan Kesembuhan Ilahi disiarkan secara langsung ke seluruh dunia, banyak kesaksian kesembuhan diterima dari seluruh dunia

Perjumpaan Kesembuhan Ilahi diadakan di Gereja Pusat Manmin semasa ibadat semalam Jumaat pada pukul 11 malam pada 29 Mac 2024. Acara ini disiarkan langsung ke seluruh dunia melalui GCN TV (www.gcntv.org), kabel, YouTube, dan Internet. Apabila Pastor Kanan Soojin Lee berdoa untuk orang sakit, banyak yang sembuh daripada pelbagai penyakit dan mendapat jawapan bagi keinginan hati mereka, baik orang yang berada di Korea maupun di luar negara, lalu mereka mengirimkan kesaksian mereka untuk memuliakan Tuhan. Perjumpaan Kesembuhan Ilahi diadakan setiap dua bulan sekali, dan yang berikutnya dijadualkan pada Jumaat, 31 Mei.





Tuhan ialah Cahaya (4)

Sesiapa yang Berjalan pada Siang Hari, Tidak akan Tersandung

"Yesus berkata, 'Bukankah siang hari lamanya dua belas jam? Sesiapa yang berjalan pada siang hari, tidak akan tersandung, kerana dia melihat cahaya bagi dunia ini.' (Yohanes 11:9)

Tuhan ialah Cahaya. Dia tidak memberikan jawapan dan berkat kepada anak-anak-Nya tanpa syarat, tetapi apabila mereka tersesat daripada jalan yang benar, Dia membimbing mereka kepada Cahaya walaupun dengan cara mendisiplinkan atau menghukum mereka. Dengan datang kepada Cahaya, mereka dapat menikmati kemakmuran dalam segala hal.

Jika ibu bapa benar-benar menyayangi anak-anak mereka, mereka akan membimbing anak-anak ke jalan yang betul walaupun dengan memarahi, menghukum atau memukul. Hal yang sama dengan Tuhan yang merupakan Cahaya. Tuhan tidak memberikan jawapan dan berkat kepada anak-anak-Nya tanpa syarat. Namun begitu, Dia membimbing mereka kepada Cahaya apabila mereka menuju jalan yang salah dengan mendisiplinkan mereka, bahkan menghukum mereka.

Jika anda hidup dalam Cahaya, iaitu Firman Tuhan, anda tidak akan tersandung kerana anda seperti orang yang berjalan pada siang hari. Namun begitu, anda akan tersandung jika akan hidup dalam kegelapan. Sekarang, marilah kita meneliti cara hidup dalam Cahaya dan menikmati kemakmuran dalam segala hal tanpa tersandung.

1. Tuhan ialah Cahaya, dan Pada-Nya Tidak Ada Kegelapan Sama Sekali.

Marilah kita meneliti apa yang dimaksudkan oleh Yesus dengan berkata, "Bukankah siang hari lamanya dua belas jam?" Jam kedua belas ialah tengah hari, iaitu waktu yang paling terang pada siang hari dan matahari tergantung paling tinggi di langit. Secara rohani, ia bermaksud cahaya yang sempurna tanpa kegelapan sama sekali. Lebih-lebih lagi, ia merujuk kepada Tuhan yang kekal dan sempurna yang di dalam-Nya tidak ada kegelapan sama sekali.

Sebelum tenaga elektrik digunakan secara meluas, keadaan malam begitu gelap sehingga orang ramai terpaksa bergantung kepada cahaya bulan untuk ke mana-mana. Kira-kira pada akhir bulan apabila bulan hampir-hampir tidak kelihatan, orang biasanya tersandung atau terjatuh ke dalam lubang. Namun begitu, mereka dapat melihat seluruh pekan dalam satu

pandangan apabila matahari terbit. Oleh itu, mereka berjalan ke sesuatu tempat sementara masih ada cahaya. Dengan demikian, mereka tidak perlu berasa risau tentang terjatuh atau tersandung.

Hal ini secara rohani menyatakan bahawa jika sesiapa hidup dengan sempurna dalam Firman Tuhan yang merupakan Cahaya, mereka tidak akan tersandung sama seperti mereka berjalan pada siang hari.

2. Untuk Makmur dalam Segala Aspek dengan Hidup dalam Cahaya

1) Keselamatan

Tidak kira betapa kaya dan berkuasanya seseorang di bumi, setiap orang akan menghadapi kematian pada suatu ketika nanti (Mazmur 90:10). Tambahan pula, tidak ramai orang yang menikmati kekayaan dan kuasa yang cukup untuk memuaskan hati mereka. Walaupun ada orang yang berpuas hati, namun mereka tidak dapat mengelak daripada menghadapi kematian. Oleh itu, semuanya sia-sia (Yakobus 4:14).

Petikan yang bersambung dari Lukas 16:19 memberitahu kita tentang seorang lelaki kaya dan seorang lelaki miskin yang bernama Lazarus. Orang kaya itu lazimnya berpakaian linen yang bersih berwarna ungu. Dia hidup gembira dalam kemewahan pada setiap hari. Walau bagaimanapun, dia dilemparkan ke dalam api neraka yang kekal dan menderita selama-lamanya selepas dia mati kerana dia tidak percaya kepada Tuhan.

Sebaliknya, Lazarus yang miskin untuk sementara waktu di bumi, menerima keselamatan selepas dia mati dan memiliki syurga yang kekal serta menikmati kehidupan dan berkat yang kekal.

Seperti yang dinyatakan dalam contoh ini, perkara yang paling penting dalam kehidupan kita ialah keselamatan. Untuk mencapai keselamatan, kita perlu hidup dalam Cahaya.

Anda mungkin pernah bertemu dengan sesetengah orang yang mengatakan bahawa mereka pernah menjadi anggota koir gereja atau berkhidmat di gereja mereka sebagai guru pembimbing, tetapi mereka berhenti

pergi ke gereja kerana telah berselisih faham dengan pemimpin atau pekerja gereja. Namun begitu, kita tidak akan goyah dalam apa-apa keadaan sekiranya kita mempunyai iman yang sejati. Dalam keadaan yang dialami oleh mereka, mereka mungkin tersilap menyangka bahawa mereka mempunyai iman tetapi pada hakikatnya mereka tidak hidup dalam Cahaya. Itulah sebabnya mereka tersandung apabila berlaku sesuatu yang tidak sesuai dengan pemikiran mereka. Mereka bukannya meninggalkan gereja, tetapi sebenarnya meninggalkan Tuhan.

Sesetengah tokoh alkitabiah memperoleh keselamatan yang sempurna dengan hidup dalam Cahaya. Mereka mengatasi apa-apa ujian dan penganiayaan dengan sukacita dan kesyukuran serta mengorbankan dan mengabdikan diri mereka kepada kerajaan Tuhan. Iblis merayau-rayau seperti singa yang mengaum sambil mencari mangsa supaya orang tidak dapat hidup dalam Cahaya, jadi kita mesti berjaga-jaga dan berwaspada pada setiap masa (1 Petrus 5:8).

Ibrani 10:22 menyatakan, "Oleh itu, marilah kita hampiri Allah dengan hati yang tulus dan iman yang teguh, dengan hati yang sudah disucikan daripada perasaan bersalah, dan dengan tubuh yang sudah dibersihkan oleh air bersih." Oleh itu, jika anda telah menerima Roh Kudus dan menjadi anak-anak Tuhan, anda mesti menyingkirkan kejahatan dan membersihkan diri anda daripada dosa dengan Firman Tuhan pada setiap hari dan mencapai hati yang tulus dan iman yang teguh. Kemudian, anda dapat hidup dalam Cahaya yang sempurna dan tidak akan tersandung. Tambahan pula, apabila kita memelihara roh, jiwa dan tubuh kita dengan sempurna, kita dapat bertemu Tuhan Yesus dengan berpakaian Cahaya yang mempesonakan (1 Tesalonika 5:23).

2) Penyakit

Apabila kita masuk ke dalam Cahaya, kita dapat dibebaskan daripada semua penyakit dan menerima keselamatan. Terdapat beberapa sebab berlakunya penyakit: dosa; terlalu banyak bekerja atau melanggar aturan fizikal dunia ini; punca neurogenik atau mental; dan oleh si jahat dan Iblis.

Akhirnya, semua penyakit berlaku apabila manusia melanggar Firman Tuhan. Oleh itu, jika anda mahu menyelesaikan masalah anda berkaitan penyakit, anda perlu menemukan dosa anda berdasarkan Firman Tuhan dan memusnahkan tembok dosa yang menentang Tuhan melalui pertaubatan yang menyeluruh. Hanya dengan cara itu, iman rohani dapat diberikan kepada anda yang membuatkan anda percaya bahawa anda dapat disembuhkan, dan anda kemudian dapat disembuhkan

daripada penyakit anda (Yesaya 53:5).

Di samping iman rohani seperti itu, anda perlu menunjukkan perbuatan iman yang dapat menyentuh hati Tuhan. Fikirkanlah tentang pengakuan seorang wanita daripada bangsa Fenisia yang dicatatkan dalam Markus 7. Pengakuannya sangat menyentuh hati. Dia memohon supaya Yesus mengusir roh jahat yang merasuk anak perempuannya. Walaupun Yesus berkata seolah-olah dia ialah seekor anjing, perasaannya tidak terluka. Dia semakin merendahkan hatinya dan berkata, "Tuan, anjing di bawah meja pun makan sisa yang dijatuhkan oleh anak-anak." Kerendahan hatinya menyentuh hati Yesus, lalu dia menerima jawapannya dengan serta-merta.

Selain itu, kesihatan yang baik terjamin apabila anda hidup dalam Cahaya dengan sempurna. Musa seorang yang rendah hati, lebih rendah hati daripada sesiapa pun di bumi, serta setia di dalam rumah Allah (Bilangan 12:3,7). Oleh sebab dia hidup dalam Cahaya seperti ini, walaupun ketika usianya 120 tahun, badannya masih kuat dan penglihatannya masih terang.

Hal ini menunjukkan bahawa apabila kita bertindak menurut kehendak Tuhan yang baik dalam segala perkara, cahaya akan datang kepada kita dan kita tidak akan tersandung oleh sebab cahaya itu serta kita akan sentiasa menjalani kehidupan yang diberkati dan sihat (Yesaya 58:7-8).

3) Perniagaan dan Tempat Kerja

Yusuf berjaya ke mana-mana dia pergi kerana Tuhan menyertai dia walaupun dia dijual sebagai hamba kepada bangsa asing (Kejadian 39). Apabila dia bekerja sebagai hamba di rumah Potifar, yang merupakan seorang pegawai raja yang menjadi ketua pengawal istana, ketekunannya diiktiraf lalu Potifar menjadikannya sebagai pengurus rumah tangganya dan segala kepunyaannya. Walaupun Yusuf kemudiannya difitnah lalu dipenjarakan, dia tidak tersandung walaupun di dalam penjara kerana dia hidup dalam Cahaya.

Ketua penjara mempercayakan semua orang tahanan yang lain kepada Yusuf. Selain itu, Yusuf menafsirkan mimpi firaun yang tidak dapat ditafsirkan oleh sesiapa pun lalu menjadi pemerintah kedua Mesir. Walaupun perkara-perkara yang dialaminya sukar, Tuhan bersama Yusuf dan dia berjaya kerana dia mengikuti jalan yang betul dalam Cahaya.

Kejayaan atau kegagalan orang Kristian tidak bergantung kepada keadaan atau situasi, tetapi bergantung kepada sejauh mana mereka bergantung kepada Tuhan. Apabila mereka mengakui Tuhan dalam segala hal, mereka akan dibimbing ke jalan yang benar dan mencapai kejayaan tanpa tersandung (Amsal 3:6).

Katakan anda sedang berdoa untuk mendapatkan tempat yang sesuai untuk perniagaan anda. Apabila anda mendapat tempat yang baik seperti yang anda lihat, anda mungkin tergesa-gesa membuat kesimpulan bahawa itu merupakan jawapan daripada Tuhan lalu anda meneruskan rancangan anda. Namun begitu, hal ini tidak dapat dikatakan bahawa anda bergantung kepada Tuhan. Mungkin anda sekadar menyukai tempat itu dan tempat itu seperti yang anda bayangkan untuk perniagaan anda. Jika demikian, Iblis mungkin akan membawa tuduhan atau masalah yang lebih besar kepada anda. Oleh itu, anda perlu berhati-hati.

Sekalipun anda menyukai tempat itu, anda perlu kembali kepada doa dan berdoa sehingga anda mendapat keyakinan. Jika itu bukan kehendak Tuhan, anda tidak boleh memilih tempat itu. Kemudian, berkat yang lebih besar dan melimpah-limpah akan diberikan kepada anak-anak yang bergantung hanya kepada Tuhan.

Seperti yang tertulis dalam Yakobus 1:6, "Tetapi apabila kamu berdoa, kamu mesti percaya. Kamu tidak boleh ragu-ragu, kerana orang yang ragu-ragu seperti ombak di laut yang diumbang-ambilang angin," kita mesti meminta dengan iman tanpa keraguan. Memandangkan Tuhan Yang Maha Kuasa ialah Bapa kita, kita mesti percaya bahawa Tuhan akan memberikan apa-apa yang kita minta dan kita mesti menunggu jawapannya dengan sabar.

Selain itu, anda perlu mengutamakan kepentingan orang lain. Anda mengutamakan kepentingan diri sendiri jika anda meminta rakan rapat anda untuk menjadi penjamin anda atau meminjamkan wang kepada anda. Mendatangkan kesusahan kepada orang lain merupakan hal kegelapan, oleh itu Tuhan tidak dapat bekerja untuk anda. Kasih rohani akan mengutamakan kepentingan orang lain berbanding dengan kepentingan diri sendiri. Apabila anda mengutamakan kepentingan orang lain, walaupun anda menghadapi kerugian, Tuhan akan bekerja untuk anda.

Apabila hati kita diperbaharu dan menjadi hati kebaikan yang dikehendaki oleh Tuhan, maka kita akan dapat mendengar suara Roh Kudus dengan jelas dan menerima pekerjaan Tuhan. Dengan kata yang lain, apabila anda hidup dalam cahaya tengah hari yang terang, anda akan menerima berkat bagi segala usaha anda.

4) Kedamaian dalam Keluarga

Dilaporkan bahawa orang bercerai apabila perasaan mereka tentang sesuatu berbeza atau cara berfikir mereka menjadi berbeza. Namun begitu, kasih rohani adalah dengan mengorbankan diri sendiri dan mengutamakan kepentingan orang lain. Kasih rohani malah memberikan nyawa kepada orang yang

disayangi. Kasih rohani tidak berubah dalam apa-apa keadaan. Walau bagaimanapun, memandangkan orang mempunyai kasih badani yang mengutamakan kepentingan diri sendiri, kebencian wujud antara mereka walaupun mereka pernah saling mengasihi.

Walaupun dalam situasi pasangan yang sedemikian, apabila cahaya datang, kegelapan akan diusir, dan mereka akan bersatu dalam kasih dan berdamai.

Ada seorang wanita yang penuh kebencian akibat hubungan sulit suaminya. Mereka bertengkar sepanjang masa. Namun begitu, pada suatu hari wanita itu pergi ke gereja lalu mendengar bahawa dia harus mengasihi sekalipun musuhnya, memberi mereka makan apabila mereka lapar, dan memberi mereka minum apabila mereka dahaga, serta melayani orang lain sepertimana dia melayani Tuhan.

Dia mula menyinarkan Cahaya dalam hatinya dengan Firman Tuhan yang merupakan Cahaya. Dia menyedari bahawa dia telah dicemari oleh kegelapan, dan Yesus mati di atas kayu salib untuk mengampuninya daripada segala dosa. Dia juga memahami bahawa dia akan diampuni Tuhan hanya apabila dia mengampuni orang lain.

Berdasarkan Firman Tuhan, dia menyedari dosadosanya lalu cuba menyingkirkan sifat dusta dengan doa dan puasa. Tidak lama kemudian, dia mengasihi suaminya yang telah menyakitinya. Dia malah meminta maaf kepada suaminya kerana tidak memahami hati suaminya. Suaminya akhirnya mengubah hatinya lalu mereka menjadi keluarga yang damai di dalam Tuhan.

Keluarga itu sebelumnya berada dalam bahaya tersandung. Namun begitu, apabila Cahaya datang, kebencian bertukar menjadi kasih, perasaan sakit hati hilang, dan pengampunan tercapai. Kemudian, kegelapan disingkirkan lalu keluarga itu menjadi keluarga yang bahagia.

Kita perlu memahami bahawa cahaya yang terang akan mengusir kegelapan, mengubah kebencian menjadi kasih, kejahatan menjadi kebaikan, dan melembutkan hati yang keras.

Saudara dan saudari yang saya kasih dalam Kristus, Roma 13:13-14 menyatakan, "Kita harus berkelakuan baik seperti orang yang hidup dalam terang dan bukan dalam kegelapan. Janganlah ikut pesta liar atau mabuk. Janganlah berkelahi ataupun iri hati. Tetapi biarlah Tuhan Yesus Kristus menjadi pelindung kamu. Janganlah turuti tabiat manusia berdosa untuk memuaskan hawa nafsu." Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda akan mengetepikan perbuatan kegelapan dan mengenakan perisai cahaya dan dengan demikian makmur dalam segala hal.

Malay

Berita Manmin

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
 (Poskod: 07056)
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>
www.manminnews.com, E-mel: manminhq@manmin.kr
 Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Saya dahulunya hidup di lembah kesakitan, tetapi sekarang hidup dalam cahaya kesihatan yang baik dan sukacita!

Diaken Kanan Kehormat, Hyehwa Ahn (74, Paroki 12 di Gereja Pusat Manmin)

Baru-baru ini saya melakukan pemeriksaan rutin lalu doktor berkata kepada saya, "Kamu mempunyai pencernaan yang sangat baik. Kamu bahkan dapat makan batu." Cucu-cucu saya juga mengatakan, "Tak masuk akal! Nenek kelihatan paling kuat antara kita meskipun usianya sudah tua."

Sebenarnya, saya lahir sangat lemah dan selalu sakit pada masa kecil saya. Saya menderita pelbagai penyakit pada usia dewasa. Namun begitu, sejak saya menghadiri Gereja Pusat Manmin, saya dibebaskan daripada semua penyakit saya dan menjalani kehidupan yang sihat. Saya begitu bahagia dapat menjadi sukarelawan dalam banyak acara gereja dan menjalankan pelbagai tugas yang diberikan oleh Tuhan.

Kebahagiaan besar bagi saya untuk membaca Alkitab. Beberapa tahun yang lalu, seseorang berkata kepada saya, "Kamu harus membaca Alkitab lebih daripada 20 kali jika kamu mempunyai iman selama 20 tahun" lalu saya berasa sangat terharu dengan kata-katanya. Setelah itu, saya mulai membaca Alkitab secara teratur, dan saya sangat diberkati oleh surat cinta Tuhan daripada Kitab Suci. Saya membaca seluruh Alkitab sebanyak dua kali setahun dan mempunyai banyak pengetahuan tentang Kitab Suci dan iman yang lebih kuat.



Saya dengan gembira mengambil bahagian dalam kempen membaca Alkitab yang dianjurkan oleh gereja dan memenuhi keinginan dan kehendak hati saya. Pada hari pertama acara membaca Alkitab tahun 2023, dengan perasaan terkejut, penglihatan saya telah membaik. Sebelumnya, saya harus menggunakan kanta pembesar dalam membaca Alkitab, tetapi hurufnya kabur dan sulit untuk saya baca. Tidak lama sebelum acara ini dimulakan, saya berdoa kepada Tuhan, "Bantulah saya untuk membaca Alkitab dengan baik." Sesuatu yang tidak terduga berlaku pada saya pada hari pertama acara itu. Saya dapat membaca Alkitab tanpa kanta pembesar.

Pada tahun ini, penglihatan saya bahkan semakin baik semasa acara membaca Alkitab dan saya sedang membaca Alkitab untuk kali yang kelapan.

Pada bulan Januari, kerap menguap dan air mata menyebabkan mata saya menjadi pedih lalu menyebabkan beberapa masalah dalam ibadat dan kehidupan sehari-hari. Pada 26 Januari, saya menerima doa Pastor Kanan Soojin Lee di Pertemuan Penyembuhan Ilahi dan itu hilang. Saya memberikan semua puji dan kemuliaan kepada Tuhan yang kita cintai.

